

Salah Faham Makna Dalam Terjemahan Buku Muhammad: Riwayat Hidup Berdasarkan Sumber Terawal

Some Fundamental Issues in The Translation of Key Concepts in The Work of “Muhammad: Riwayat Hidup Berdasarkan Sumber Terawal”

Mohd Hilmi Ramli*

Pusat Kajian Tinggi Islam, Sains, dan Peradaban Raja Zarith Sofiah (RZS-CASIS), Universiti Teknologi Malaysia, Jalan Sultan Yahya Petra, 54100, Kuala Lumpur, Malaysia.

**Corresponding author: mohdbilmi@utm.my*

Article history

Received: 2022-07-19

Received in revised form: 2022-01-05

Accepted: 2023-08-14

Published online: 2023-10-31

Abstract

Translation is a transferring of meaning from one language to the other language. In the process of translation, the translator (s) requires an in-depth knowledge of the languages being transferred as well as mastery of the subject matter of being translated. The recent work entitled *Muhammad: Riwayat Hidup Berdasarkan Sumber Terawal* originally belongs to Martin Lings, who was a renowned scholar in the fields of philosophy, religion, and *taṣawwuf*, has been translated from English into Malay. The translation work is commendable because it serves the need for Malay audience to understand the sirah of the Prophet in the national language. However, this study found some fundamental issues in the translation of the work, for example, the translation of God as “Allah” based on the Genesis, the misleading translation of the name of Islam as 'submission', and the nature of the letters of the Qur’ān. The study analyses the text and makes a comparison with the original text in English. In addition, this study referred to the early sources mentioned by the author and critically evaluated the intellectual background of the original author. This finding sheds some light on the problem of translation of the key concepts and terms stemmed from the incoherent worldview in understanding the religion of Islam and the Sirah of the Prophet.

Keywords: translation, Muhammad, Martin Lings, Islam, letters.

Abstrak

Penterjemahan adalah perpindahan makna dari satu bahasa ke bahasa yang lain. Dalam usaha penterjemahan, si penterjemah memerlukan ilmu yang mendalam mengenai bahasa-bahasa yang dipindahkan dan juga kandungan ilmu yang diterjemahkan. Buku terbaru bertajuk *Muhammad: Riwayat Hidup Berdasarkan Sumber Terawal* telah diterjemahkan daripada bahasa Inggeris kepada bahasa Melayu. Buku ini asalnya ditulis oleh Martin Lings, seorang sarjana dalam bidang falsafah, agama, dan *taṣawwuf*. Penterjemahan buku ini amat digalakkan kerana buku ini memenuhi keperluan masyarakat Melayu untuk memahami sirah Nabi SAW dalam bahasa kebangsaan. Namun demikian, kajian ini mendapati isu-isu yang mendasar dalam penterjemahan buku ini, sebagai contoh, terjemahan “God” sebagai “Allah” berdasarkan Kitab Genesis, terjemahan yang mengelirukan nama Islam sebagai ‘ketundukan’, dan terjemahan huruf-huruf dalam Al-Quran sebagai abjad. Kajian ini menganalisis teks utama yang telah diterjemahkan dan membuat perbandingan dengan teks asal dalam bahasa Inggeris. Tambahan pula, kajian ini merujuk kepada sumber-sumber asal sirah yang disebutkan oleh penulis. Kajian ini menjelaskan masalah penterjemahan konsep dan istilah kunci yang berpunca dari pandangan alam yang tidak sepadu dalam memahami Islam sebagai sebuah agama dan Sirah Nabi Muhammad.

Keywords: penterjemahan, Muhammad, Martin Lings, Islam, huruf

1.0 PENDAHULUAN

Dalam sejarah manusia, khazanah keilmuan Yunani telah diselamatkan dari ditelan arus zaman melalui penterjemahan karya-karya ahli falsafah dan saintis mereka dalam bahasa Yunani ke dalam bahasa Arab ketika zaman ‘Abbāsiyah. Menurut Dimitri Gutas (1998), gerakan penterjemahan yang bermula seiring dengan kebangkitan kerajaan ‘Abbāsiyah telah mewakili satu pencapaian yang luar biasa dalam sejarah keilmuan yang telah bertahan selama dua abad. Karya-karya ilmiah dalam bahasa asal Yunani tidak dapat bertahan melainkan apa yang telah diterjemahkan ke dalam bahasa Arab, merangkumi pelbagai subjek seperti astrologi, arimetik, falsafah, sejarah, etika, fizik, logik, botani, perubatan, termasuk sains ketenteraan. Menurut Franz Rosenthal dalam bukunya *The Classical Heritage in Islam* (1975), penterjemahan ilmu-ilmu asing ini secara besar-besaran ke dalam bahasa Arab tidak lain dan tidak bukan adalah kerana ajaran dan penekanan yang dibawa oleh Nabi Muhammad mengenai kepentingan ilmu “as the driving force in religion and, thereby, in all human life”. Kenyataan ini sangat bermakna kerana tokoh bukan Islam seperti Rosenthal amat memahami kedudukan ilmu dan kepentingannya dalam agama Islam.

Penterjemahan adalah satu usaha ilmiah yang berterusan sehingga hari ini kerana penterjemahan memainkan peranan yang penting dalam memindahkan ilmu dalam satu bahasa ke bahasa yang lain. Secara hakikinya, perpindahan ilmu berlaku apabila seseorang memahami suatu hasil penterjemahan dari bahasa asing ke bahasanya sendiri. Hal ini ilmu dan kefahaman yang dimaksudkan itu berlaku dalam diri insan, kerana insan adalah penerima ilmu, bukan pula perpindahan ilmu itu berlaku di dalam helaian-helaian kertas atau buku yang dikenali sebagai objek-objek ilmu.

Karya yang dikaji ini ialah karya yang bertajuk *Muhammad: Riwayat Hidup Berdasarkan Sumber Terawal* yang diterbitkan oleh IBDE pada tahun 2021. Karya ini asalnya dalam bahasa Inggeris, *Muhammad: His Life Based on the Earliest Sources* yang dikarang oleh Martin Lings (Abū Bakar Sirājuddīn) yang telah diterbitkan pada tahun 1983. Karya asal dalam bahasa Inggeris diiktiraf sebagai sebuah karya sirah Nabi Muhammad yang terbaik dalam bahasa Inggeris menggantikan terjemahan *Sirah Ibn Hisyam* dan karya Haykal yang bertajuk *Life of Muhammad*. Hal ini gaya bahasa puitis dan dramatis, serta olahan yang dibuat oleh Martin Lings dalam menyampaikan riwayat mengenai Nabi Muhammad adalah hasil dari beberapa sumber terawal sirah seperti *Sirah Rasūl Allah* oleh Ibn Ishāq, *Kitāb al-Ṭabaqāt al-Kabir* oleh Ibn Sa‘d, *Kitāb al-Maghāzī* oleh al-Wāqidī, *Akhbār Makkah* oleh al-Azraqī, *Tārīkh al-Rusul wa al-Muluk* oleh al-Ṭabārī, dan *Rawḍat al-Unuf* oleh al-Suhaylī. Martin Lings menghimpunkan riwayat dari sumber-sumber terawal ini menurut kronologi sirah oleh Ibn Ishāq sebanyak 85 bab.

Martin Lings atau nama Islamnya Abu Bakar Siraj al-Din adalah seorang tokoh sufi yang dihormati. Beliau dilahirkan pada 24 Januari 1909 di Lancashire, British, dan telah mendalami Islam di Mesir pada 1940. Di Mesir beliau memeluk Islam dan bertemu dengan René Guénon dan seterusnya banyak terpengaruh dengan falsafah Islam melalui beliau. Minat mendalam dan kepakaran beliau ialah mengenai Shakespeare. Apabila pulang dari Mesir, beliau mengambil B.A dalam Pengajian Arab dan kemudiannya ke peringkat Ph.D dalam kajian tasawwuf, khususnya mengenai Ahmad Alwi, seorang ahli sufi besar dari Algeria. Beliau bekerja sebagai pembantu kurator buku dan manuskrip Oriental di British Museum, dan dari situ juga beliau membina kepakaran beliau dalam falsafah, seni, dan tasaawuf dalam Islam. Antara karya utama beliau ialah: *The Secret of Shakespeare: His Greatest Plays Seen in the Light of Sacred Art*, *A Sufi Saint of the Twentieth Century*, *What is Sufism?*, *Symbol and Archetype: A Study of the Meaning of Existence*, dan *Muhammad: His Life Based on the Early Sources*. Sebelum meninggal, beliau telah menyampaikan ucapan berkenaan Mawlid al-Rasul kepada 3,000 peserta di Persidangan Wembley. Beliau meninggal pada Mei 2005 ketika berumur 96 tahun.

Khalid A. Yahya. (1985) dalam ulasan buku “Muhammd: His Life Based on the Earliest Sources” yang diterbitkan di Middle East Studies Association Bulletin telah memetik laporan bahawa buku itu telah mendapat anugerah berprestij National Seerah Award dari Presiden Pakistan, Zia-ul-Haq pada tahun 1986. Malah, buku itu telah diterjemahkan ke dalam lebih dari 12 bahasa seperti Arab, Perancis, Urdu, Sweden, termasuk Bahasa Melayu baru-baru ini. Hamzah Yusuf (2005) dalam catatan kenangan kepada Martin Lings selepas beliau meninggal, bertajuk “A Spiritual Giant in An Age of Dwarfed Terrestrial Aspirations”, mengatakan bahawa beliau sangat tertarik dengan buku itu dan telah menggunakan buku itu sebagai rujukan utama dalam pengajian Sirah.

Apabila buku ini diterjemahkan buat pertama kali ke bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan, ini adalah satu usaha yang terpuji kerana boleh memperkenalkan keperibadian mulia Nabi Terakhir kita kepada khalayak masyarakat berbahasa Melayu. Melalui pembacaan karya ini, para pembaca dapat memahami lebih mendalam akan perjalanan hidup Nabi SAW yang dibantu oleh para Sahabat, ahli keluarga, dan pengikut yang setia, dan seterusnya menghayati semangat juang dan membenihkan rasa kasih sayang dan penghormatan yang tinggi kepada Baginda Nabi Muhammad. Bahkan, menurut salah seorang penterjemah karya *Muhammad: Riwayat Hidup Berdasarkan Sumber Terawal* dalam sebuah rakaman video di Facebook bersempena dengan Pesta Buku Kuala Lumpur baru-baru ini, karya tersebut telah mendapat sambutan yang luar biasa sehinggakan telah dicetak sebanyak 15,000 naskhah.

Namun demikian, menurut Khalid A. Yahya (1985) yang merupakan di antara pengulas buku terawal edisi bahasa Inggeris, ada beberapa kritikan terhadap buku ini. Sebagai contoh, sumber sirah terawal yang lain seperti *Ansāb al-Asbrāf* oleh al-Balādhurī tidak dijadikan rujukan. Bahkan ada beberapa riwayat yang disebutkan dalam *Ṭabaqāt Ibn Sa’d* berkenaan mukjizat pokok, labah-labah, dan burung merpati di dalam gua Thawr ketika Hijrah Nabi SAW hanya boleh dijumpai dalam Ibn Sa’d namun tidak boleh ditemui dalam karya Martin Lings. Menurut Khalid (1985) lagi, versi Martin Ling tidaklah boleh dijadikan sebagai satu karya yang berautoriti kerana banyak cerita-cerita yang dipilih beliau dipertikaikan oleh ramai Muslim, sebagai contoh, dakwaan Lings bahawa al-‘Abbās telah mendengar bahawa semasa kematian Abū Ṭālib, beliau telah masuk Islam. Dakwaan seperti ini bercanggah dengan pandangan yang masyhur.

Kritikan yang tajam dan meyeluruh, tetapi menepati konsep hormat-kritis, seperti yang disebutkan oleh Wan Mohd Nor (1991), ialah makalah yang ditulis oleh Gibril Fuad Haddad (2005) sebagai Kata Pengantar buku terjemahan Martin Lings versi bahasa Sweden. Buku Martin Lings diterjemahkan ke dalam bahasa Sweden oleh Ann-Catrin Nilsson dan kemudiannya disemak penterjemahannya oleh Muhammad Knit Bernström, seorang penterjemah al-Quran ke dalam bahasa Sweden. Penterjemahan oleh Ann-Catrin telah disempurnakan semasa Martin Lings masih hidup.

Haddad (2005) dalam Kata Pengantar beliau mengatakan semasa penterjemahan buku Muhammad ke bahasa Sweden oleh Ann-Catrin, ada beberapa isu yang dikenal pasti oleh Ann-Catrin yang boleh menimbulkan persoalan yang jujur dalam kalangan pembaca Muslim. Persoalan-persoalan ini memerlukan penjelasan dari Lings yang dicadangkan secara baik oleh Ann-Catrin untuk diletakkan sekurang-kurangnya sebagai nota tambahan dalam nota kaki, seperti: 1) kisah dua isteri Nabi Ibrahim, Hajar dan Sarah yang menurut ajaran Islam adalah berkawan dan mempunyai kedudukan yang sama sebagai isteri di sisi Nabi Ibrahim, berbanding dengan versi Kitab Bible yang dipetik oleh Lings yang memaparkan hubungan yang tidak baik dan mesra di antara mereka berdua; 2) kenyataan bahawa ada seorang Kristian yang dibenarkan masuk ke dalam Ka’abah dan digalakkan pula untuk melukis gambar ikon Mariam dan anaknya Isa; 3) kenyataan yang tidak jelas seperti Nabi SAW mempunyai “purata tinggi dan kekuatan”; 4) kenyataan bahawa Allah mencipta Adam

mengikuti ‘imejNya’; 5) perkahwinan Zaynāb dan Nabi SAW yang perlu dirujuk seruannya dalam Al-Quran.

Persoalan-persoalan ini tidak diberi jawapan yang memuaskan, bahkan pula, menurut Haddad (2005), Lings telah memberitahu beliau (Ann-Catrin), bahawa beliau telah diminta untuk tidak menambah apa-apa nota dengan sendiri (“forbade any notes whatsoever beyond his own”). Berdasarkan peristiwa ini, boleh dibuat rumusan awal bahawa penterjemahan buku Muḥammad ke dalam bahasa Melayu juga menghadapi situasi yang sama apabila penterjemahan perlu dibuat tanpa perlu ada apa-apa nota tambahan atau penjelasan, atapun juga tiada langsung pembetulan yang boleh dibuat ke atas idea-idea atau konsep-konsep yang salah.

2.0 KERANGKA KAJIAN

Kajian ini ditulis berdasarkan kerangka kefahaman yang dizahirkan oleh para sahabat, tabiin, ulama berwibawa dalam pelbagai bidang ilmu, dahulu dan sekarang yang meletakkan Nabi Muḥammad di tempat yang paling mulia yang tiadaandingannya dengan makhluk-makhluk yang lain. Kecintaan kepada Nabi SAW lebih dari kecintaan kepada segala makhluk di alam, termasuk ahli keluarga disebutkan dalam *Surah al-Tawbah*: 24: “Katakanlah (wahai Muhammad): “Jika bapa-bapa kamu, dan anak-anak kamu, dan saudara-saudara kamu, dan isteri-isteri (atau suami-suami) kamu, dan kaum keluarga kamu, dan harta benda yang kamu usahakan, dan perniagaan yang kamu bimbang akan merosot, dan rumah-rumah tempat tinggal yang kamu sukai, - (jika semuanya itu) menjadi perkara-perkara yang kamu cintai lebih daripada Allah SWT dan RasulNya dan (daripada) berjihad untuk agamaNya, maka tunggulah sehingga Allah SWT mendatangkan keputusanNya (azab seksaNya); kerana Allah SWT tidak akan memberi petunjuk kepada orang-orang yang fasik (derhaka).” (*Tafsir Pimpinan Rahman*, 2022).

Dalam Hadis Ṣaḥīḥ Bukhārī dan Muslim (Kitab *Ḥalāwat al-Imān*, Hadīth no. 16, 1993) disebutkan, dari Anas bin Mālik dari Nabi Muḥammad: “Tiga perkara yang ada pada dirinya akan memperoleh kemanisan iman: 1) Menjadikan Allah SWT dan Rasulullah SAW lebih dicintainya dari segalanya, 2) Mencintai seseorang kecuali kerana Allah SWT; dan 3) Membenci untuk kembali kepada kekufuran sepertimana bencinya dimasukkan ke dalam api neraka”.

Kerangka ini dikukuhkan lagi oleh Syed Muhammad Naquib al-Attas dalam *Islām and Secularism* (1978) yang menjelaskan bahawa telah berlaku “sebuah fenomena “pembumian (*terrestrialization*) dan pensekularan manusia, yang melibatkan pembendaan (*materialization*) dan pemanusiaan dirinya”, dan dihuraikan lagi oleh Wan Mohd Nor (2015), bahawa fenomena ini telah secara bertahap “merasuk ke dalam kesedaran Muslim, tercermin ke dalam pembumian dan pensekularan kita terhadap Nabi Muḥammad di mana beliau diperlakukan sebagai manusia belaka yang menerima Wahyu Tuhan selama 23 tahun dan merupakan salah seorang pemimpin politik dan akhlak terhebat di dalam sejarah manusia”. Penjelmaan sikap ini yang merendahkan dan menyamaratakan martabat dan kemuliaan Nabi Muhammad—secara tidak sedar ataupun sedar—adalah akibat dari pensekularan yang menurut al-Attas (1978) telah menyebabkan kehilangan adab dalam meletakkan keperibadian Baginda Muḥammad di tempatnya yang paling wajar.

Masalah utama ini telah mempengaruhi sebilangan besar dari umat Islam khususnya dalam kalangan mereka yang terdidik yang melihat bahawa Nabi Muhammad menjadi mulia ketika Baginda menerima wahyu pada umur 40 tahun. Pensekularan insan, hatta kepada Nabi Muḥammad telah meresap masuk ke dalam pemikiran sebahagian besar dari golongan berpendidikan tinggi dalam masyarakat kita. Justeru, apa sahaja penulisan yang melibatkan keperibadian Baginda Muḥammad perlulah diletakkan di tempatnya yang paling wajar menurut kerangka pandangan alam Islam kita.

Kajian ini merupakan kajian kualitatif yang menggunakan teknik dokumentasi dalam pengumpulan data manakala pendekatan induktif dan semantik bahasa kepada analisis kandungan telah digunakan untuk menganalisis data.

2.1 Isu-Isu Penterjemahan

Penterjemahan adalah satu usaha memindahkan makna dari satu bahasa ke bahasa yang lain. Istilah “terjemahan” berasal daripada suatu kata kerja dalam bahasa Arab, iaitu *tarjama* yang berakar pada huruf-huruf *ta-ra-jim-mim*. Kata kerja ini ialah satu kata dalam perbendaharaan kata bahasa Arab yang berakar empat (*aṣl al-rubā‘i*).

Menurut ahli bahasa Islam yang awal seperti Ibn Manzūr (m. 711) dalam *Lisān al-‘Arab* dan Murtaḍā al-Zābīdī (m. 1205) dalam *Tāj al-‘Arus*, *tarjama* bermaksud *muffasir li lisān* iaitu: “memindahkan kata-kata (*al-kalam*) daripada satu bahasa ke satu bahasa lain”. Dalam erti kata lain, si penterjemah bertindak sebagai pentafsir dalam bahasa yang lain. Ini bermakna apabila sesuatu terjemahan dilakukan, maka tanggungjawab utama yang harus diselesaikan oleh si penterjemah ialah memindahkan makna-makna (*mufassir*) yang dikandung dalam kata-kata bahasa asal ke dalam bahasa lain (*lisān*) dengan menggunakan kata-kata yang diambil daripada perbendaharaan kata bahasa lain itu. Selain *tarjama*, kata lain yang digunakan juga ialah: “naql” dan “tafsīr”.

Menurut Muhammad Zainiy Uthman (2005), Nūr al-Dīn al-Rānīrī (m. 1666), dalam muqaddimah beliau dalam karyanya yang berjudul *Laṭā‘if al-Asrār li-Ahl Allah al-Aṭyār*, iaitu kitab yang sarat dengan perbincangan tasawuf, kalam dan falsafah dan juga mengandungi petikan ayat suci al-Qur’an dan Hadis al-Rasul yang ditulis dalam bahasa Arab dan dijawabkan (diterjemahkan) sekali gus, menyebut bahawa walaupun telah dijawabkan perbincangan sedemikian terdahulu daripada karyanya namun tiadalah terjemahan itu dapat memberikan makna-makna yang terang dan jelas.

Jelas daripada kenyataan al-Rānīrī di atas bahawa penterjemahan yang baik haruslah dengan jelas menyatakan takrif sesuatu istilah agar tidak menimbulkan masalah keraguan dan kesangsian. Dengan menggunakan pentakrifan yang jelas makna istilah dapat dicerap oleh ‘aql. Maka, menurut Zainiy (2005), menterjemahkan sesuatu bererti *menggubah semula makna* kata-kata asli dalam bahasa lain dengan menggunakan perbendaharaan kata bahasa lain itu. Justeru itu, menurut beliau lagi, penterjemahan ialah suatu latihan ilmiah yang saintifik kerana memerlukan ketepatan dan kejituan si penterjemah dalam memahami objek ilmu yang diterjemahkannya. Si penterjemah juga haruslah menguasai bidang dan ilmu khusus yang akan diterjemahkannya.

Penulisan ini mendapati penterjemahan buku *Muhammad: Riwāyat Hidup Berdasarkan Sumber Terawal* mengandungi beberapa isu asas penterjemahan khususnya berkaitan dengan kata nama dan konsep utama dalam pandangan alam Islam. Kesalahan penterjemahan ini sangat berat kerana telah memesong makna dan tujuan sebenar konsep dan kata kunci itu yang mengakibatkannya disalahfahami. Apabila kesalahan telah berlaku di peringkat konsep, maka kesilapan juga akan terzahir dalam tindakan seseorang dan masyarakat, dan pengiktirafan terhadap konsep itu.

a) Kitab Kejadian (Genesis)

Dalam Bab 1 bertajuk Rumah Tuhan (*The House of God*), pada muka surat 1 dalam perenggan pertama, bertulis: “Kitab Kejadian mengisahkan kepada kita bahawa Nabi Ibrahim ‘alaihi ‘s-salām (AS) tidak mempunyai anak...” sebagai terjemahan dari bahasa Inggeris, iaitu: “The Book of Genesis tells us that Abraham was childless...”. Terjemahan “Kitab Kejadian” sebagai istilah dalam bahasa Melayu adalah satu terjemahan yang literal. Kebiasaannya terjemahan nama khas atau istilah kunci dari bahasa asing tidak dibuat secara literal kerana hasil terjemahan itu akan menzahirkan satu kepelikan. Sebagai contoh, terjemahan literal nama orang dalam bahasa Inggeris

“George Bush” ke dalam bahasa Melayu sebagai “George Lalang”, atau terjemahan nama khas “Manchester United” sebagai “Manchester Bersatu” adalah satu kepelikan. Dalam sejarah penterjemahan Islam, apabila sesuatu nama khas, mahupun istilah kunci dari bahasa Yunani, peristilahan asal dikekalkan, seperti *hayulani* yang digunakan dalam bahasa Arab sebagai *hayulah*, *sophist* sebagai *ṣufasta’iyyah* dan banyak lagi.

Kesalahan menterjemahkan secara literal kata nama khas dan istilah kunci bahasa Inggeris, atau bahasa-bahasa lain ke dalam bahasa Melayu telah menghilangkan maksud asal nama dan istilah tersebut di dalam bahasa asalnya. Bukan itu sahaja, kesalahan terjemahan juga boleh merubah makna sesuatu istilah secara mendasar dan memberi maksud yang bertentangan.

Sebagai contoh, istilah “secular” dalam bahasa Latin yang telah diterjemahkan ke dalam bahasa Arab dan digunakan secara meluas sebagai “*almāniyah*”. Istilah *‘almāniyah* berasal dari akar huruf *‘a-li-ma*, yang membawa maksud ‘sejagat, universal’. Kata akar itu juga berkongsi makna dengan *‘ilm*, atau dalam bahasa Melayunya ‘ilmu’. Ugi Suharto (2002) telah mempersembahkan kritikan al-Attas dan Qaradawi dalam penggunaan secara meluas istilah sekular sebagai *‘almāniyah*. Al-Attas (1978) menegaskan bahawa memasukkan istilah *‘almāniyah* ke dalam bahasa Arab adalah suatu usaha menyebarkan faham pemisahan dalam pemikiran umat Muslim secara halus. Manakala Qarādawī yang mengkritik penggunaan istilah tersebut sebagai satu terjemahan yang tidak teliti (*ghayr daqiqah*) kerana beliau sebahagian dari komuniti Arab.

Kesan dari penggunaan istilah *‘almāniyah* sebagai merujuk kepada sekular telah mengandaikan sekularisme mahupun sekularisasi mengandungi unsur-unsur yang baik seperti ilmu dan sejagat. Hal ini yang tidak boleh diterima dalam pandangan alam kita kerana penterjemahan yang silap ini telah memudahkan penyerapan makna yang tidak betul ke dalam kefahaman umat Islam. Apabila kata *secular* digunakan dalam bahasa Arab mahupun Melayu, menurut al-Attas (1978), sepatutnya dikekalkan sahaja sebutannya, *si-ku-la-riyah* ataupun sekular, tanpa perlu diterjemahkan secara literal yang boleh mengakibatkan salah makna dan kekeliruan.

b) Nama Allah SWT (God)

Dalam Bab yang sama di atas, berkenaan dengan kisah isteri Nabi Ibrahim, Hajar yang dikatakan merajuk dan lari dari Sarah, bertulis: “Beliau menangis dan mengadu penderitaannya kepada Allah SWT. Lalu Allah SWT mengutus malaikat dengan pesan buatnya..” sebagai terjemahan dari bahasa Inggeris, “...[Hajar] cried out to God in her distress. And He [God] sent to her an Angel with the message...”. Berdasarkan semakan, dialog ini memang diubahsuai oleh pengarang asal Martin Lings dari The Book Genesis Bab 16: Ayat 8-11, yang berbunyi: “[16:8] And he said, “Hagar, slave-girl of Sarai, where have you come from and where are you going?” She said, “I am running away from my mistress Sarai.” [16:9] The angel of the LORD said to her, “Return to your mistress, and submit to her.”

Kesalahan utama dalam terjemahan ini ialah apabila kata God dalam karya asal telah diterjemahkan sebagai Allah SWT dalam edisi bahasa Melayu. Nama Allah SWT tidak sama dengan *God* dalam bahasa Inggeris mahupun *Lord*. Hal ini, seperti yang ditegaskan oleh al-Attas sejak 60an dan Wan Mohd Nor Wan Daud (1998), dan ramai lagi sarjana Muslim yang menggunakan kerangka menyeluruh metafizika, sejarah, epistemologi, dan etika dalam pandangan alam Islam seperti Md. Asham Ahmad (2010), Wan Azhar Wan Ahmad (2013) dan ramai lagi, bahawa kalimah Allah SWT adalah nama khas yang tidak boleh diterjemahkan. Al-Attas dalam bukunya *The Mysticism of Hamzah Fansuri* (1970) telah menegaskan dan diperjelaskan lagi oleh Wan Mohd Nor, bahawa Hamzah Fansuri, ulama sufi terkenal kurun ke-17 amat benar dalam penilaiannya bahawa nama Allah SWT adalah himpunan segala realiti.

Kesalahan menterjemahkan kata nama *God* dalam bahasa Inggeris sebagai Allah SWT pernah sengaja ditimbulkan suatu ketika dahulu sehingga menjadi perdebatan hangat dalam kalangan kaum Muslimin sendiri. Ini telah menimbulkan kemarahan umat Islam yang sedar dengan kesalahan ini dan akibat yang berlaku kerana memberi salah makna kepada nama Allah SWT.

c) **Abjad (Letters)**

Dalam Bab 15, bertajuk “Wahyu Pertama”, muka surat 75, disebutkan: “Wahyu kedua ini bermula dengan satu **abjad**, sebagai wahyu pertama di antara beberapa ayat Quran yang bermula dengan abjad rahsia”. Tulisan asal dalam bahasa Inggeris adalah: “*The Revelation, this second time, began with a single letter, the earliest instance of those cryptic letters...*”. Perkataan “abjad” yang diterjemahkan dari bahasa Inggeris, “letter” tidak tepat. Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat (2010), “abjad” adalah “huruf-huruf dalam sesuatu bahasa yang disusun mengikut urutan yang tertentu (seperti A, B, C, hingga Z bagi tulisan Rumi dan alif, ba, ta hingga nya bagi tulisan Jawi); urutan atau susunan huruf Arab”. Menurut Ahmadnagari (1975) dalam *Jami‘ al-‘Ulum fi Istilahat al-Funūn*, “abjad” merujuk kepada susunan huruf bahasa arab iaitu: ا ب ج د ه و ز ح ط ي ك ل م ن س ع ف ص غ ذ ث ق ر ش ت ض طغ. Maka tidak tepat diterjemahkan “letters” sebagai “abjad”, kerana “abjad” merujuk kepada susunan huruf.

Terjemahan yang tepat bagi perkataan “letters” ialah “huruf”. Ini juga adalah kerana bertepatan dengan hakikat huruf-huruf yang disusun dalam Qur’an dalam bentuk muṣḥaf. Al-Quran menurut Ahli Sunnah wal Jamaah adalah kalam Allah SWT yang qadīm, yang tiada dalam bentuk suara dan huruf. Apabila kalam Allah SWT ini dihafaz, disimpan dalam dada setiap insan, dibaca, dan disusun dalam sebuah mashaf, maka terzhairlah bentuk huruf dan suaranya.

d) **Ketundukan (islam), Kepercayaan (iman), dan kecemerlangan (ihsan)** **(Islam, Iman, Ihsan)**

Dalam Bab 82, bertajuk “Masa Depan”, muka surat 473, adalah satu terjemahan yang paling bermasalah. Dalam terjemahan ini, penterjemah merujuk kepada Hadis Nabi SAW yang diriwayatkan dalam *Ṣaḥīḥ Muslim*, berkenaan Jibril yang datang kepada Nabi SAW dan bertanya mengenai apa itu Islam, Iman, dan Ihsan. Disebutkan dalam terjemahan: “Wahai Muḥammad, katakan kepadaku apa itu **ketundukan (islam)**. Rasulullah SAW menjawab: Ketundukan ialah dengan bersaksi bahawa tiada tuhan selain Allah SWT dan Muḥammad utusan Allah, menunaikan sembahyang, mengeluarkan zakat, berpuasa Ramadan dan menunaikan haji jika berkemampuan”. Edisi bahasa Inggeris menyebutkan: “O Muḥammad, tell me what is the surrender (Islam). The Messenger of God answered him saying: The surrender is to testify that there is no god but God and that Muḥammad is God’s Messenger, to perform the prayer, bestow the alms, fast Ramaḍan and make, if thou canst, the pilgrimage to the Holy House”.

Terjemahan bahasa Melayu “ketundukan” dan meletakkan “islam” dalam braket adalah tidak tepat kerana Islam bukan bermaksud sebuah perbuatan yang dinamakan “ketundukan”. Islam adalah sebuah nama agama agung yang diberikan oleh Allah SWT sendiri dalam Al-Quran, sebagai contoh, dalam surah *Ali Imrān* (3:19) “Sesungguhnya agama (yang benar dan diredai) di sisi Allah SWT ialah Islam”, dan juga *Ali Imrān* (3:85) “Dan sesiapa yang mencari agama selain agama Islam, maka tidak akan diterima daripadanya, dan ia pada hari akhirat kelak dari orang-orang yang rugi.”

Bahkan meletakkan “islam” sebagai nama umum dengan huruf “i” kecil di depannya berbanding sebagai nama khas dengan huruf “I” besar adalah penzahiran ke arah menyamaratakan agama Islam sebagai sama dengan mana-mana agama lain.

Begitu juga terjemahan kata nama “Iman” sebagai “kepercayaan” dan “iḥsan” sebagai “kecemerlangan”. Mengapa tidak digunakan sahaja kata nama “iman” dan “ihsan” dalam

penterjemahan itu? Kata nama *Islam*, *Iman*, dan *Ihsan* telah diterima dalam Kamus Dewan Bahasa dan digunakan secara meluas dalam perbendaharaan ilmiah umat Islam dan diamalkan menurut maksud asalnya tanpa perlu diterjemahkan maksudnya secara literal.

Hal ini ditegaskan oleh al-Attas (1970) bahawa agama Islam adalah agama yang khusus diturunkan kepada Nabi Muhammad. Semakan ke atas matan hadis yang asal dalam *Ṣaḥīḥ Muslim* tiada justifikasi disebutkan bahawa Islam adalah sebuah agama ketundukan, walaupun kata nama 'Islam' diterjemahkan secara literal membawa maksud 'perbuatan ketundukan'.

3.0 ANALISIS

Bahasa Melayu telah menjadi bahasa ilmiah yang mampu menyampaikan makna yang tinggi dan mendalam hakikat dalam pandangan alam. Ini boleh terjadi adalah kerana peranan agama Islam yang telah memainkan peranan penting dalam merubah pandangan alam umat Melayu di rantau ini. Istilah utama dan konsep kunci dalam agama dan amalan umat Islam di sini sejak kedatangan Islam tidak mengalami kekeliruan kerana dasar utamanya telah dibina dan diperkukuhkan dengan tradisi keilmuan yang kuat di alam ini.

Ada tiga faktor yang mengukuhkan keupayaan dan kemampuan bahasa Melayu dalam menyampaikan makna yang tinggi dan mendalam tanpa perlu diubah atau diterjemahkan makna dan tujuan konsep utamanya—seperti Ketundukan (islam), Kepercayaan (iman), dan Kecemerlangan (ihsan) (*Islam*, *Iman*, *Ihsan*)—sebab-akibat utama dari keraguan dalam pandangan alam yang telah diresapi unsur-unsur asing dari luar.

Pertama adalah faktor sejarah yang merujuk kepada tradisi keilmuan, bahasa, dan budaya tinggi di Alam Melayu ini yang tidak terpisah dengan perkembangan keilmuan di negara umat Islam yang lain. Al-Attas dalam *Islam dalam Sejarah dan Kebudayaan Melayu* (1972), Sharahan Pengukuhan Profesor beliau, telah merenungkan dan mempersembahkan suatu fakta sejarah di rantau ini pada kurun ke-16 dan ke-17 yang pesat dengan perkembangan ilmu, menyaksikan obor ilmiah berkembang dalam penulisan sastera falsafah, metafizika, dan teologi rasional yang tiada tolok bandingnya di mana-mana dan di zaman apa pun di rantau ini. Menurut beliau, zaman ini menandakan zaman pembangunan rasionalisme dan intelektualisme dan berlakunya proses pedalaman atau intensifikasi Islam pada jiwa masyarakat Melayu, telah merevolusikan pandangan alam dan dasar kebudayaannya dari dasar estetik kepada dasar saintifik. Menurutnya lagi, faktor asasi kepada perubahan ini ialah penjelasan rasional mengenai konsepsi baru perihal *Wujud* yang pertama kalinya oleh Islam dan medium yang digunakan ialah bahasa Melayu sebagai suatu aliran baru. Bahasa Melayu ini, menurut al-Attas dalam *Islam dalam Sejarah dan Kebudayaan Melayu* (1972) lagi:

...menyatakan dirinya sebagai bahasa bertata-logik, bahasa pemikiran akliah yang mengutamakan analisa dan perbincangan saintifik, bahasa yang banyak mengandungi kesan pengaruh para penulis penggunaannya—ahli-ahli Tasawwuf, ulama dan golongan ilmiah lainnya dan para penterjemah dan penterjemah—yang kesemuanya membayangkan pengaruh al-Quran dalam menyanjung nilai penjelasan dan sifat akliah dalam perbicaraan, pertuturan, dan penulisan.

Perkembangan yang pesat dan mendalam itu menyumbang kepada pemurnian dan pemeliharaan istilah dan konsep utama, dan secara langsungnya kemunculan istilah-istilah yang khusus dan saintifik, kerana para ulama dan ilmuwan dalam bidang-bidang tersebut akan berbahas dan mengajar kandungan ilmu itu. Peristilahan baru muncul kerana urusan perpindahan makna dan medium pengajaran yang digunakan oleh para ulama dengan menggunakan bahasa Melayu. Mereka bertanggungjawab mengajarkan karya-karya utama dalam bahasa asalnya, bahasa Arab dan

menterjemahkan karya-karya tersebut ke dalam bahasa Melayu. Dengan cara ini, pemikiran umat Melayu dapat dibentuk dan diserapi makna ilmunya kerana medium pengajaran ialah dengan bahasa yang mereka fahami. Penterjemahan yang dimaksudkan bukan penterjemahan secara literal dan pasif, akan tetapi penterjemahan yang kreatif dan aktif.

Banyak terjemahan dihasilkan cerminan kepada teks utama yang asal dalam bahasa Arab. Sebagai contoh, teks *Sharḥ ‘Aqā’id al-Nasafī* oleh al-Taftāzānī diterjemahkan oleh Nūr al-Dīn al-Rānīrī (m. 1658M) dengan nama baru *Durr al-Farā’id bi Sharḥ al-‘Aqā’id*. Amat menarik diperhatikan perbezaan ketara di antara karya al-Rānīrī dan al-Taftāzānī, apabila al-Rānīrī cenderung menjelaskan sesuatu perkara secara instruktif dan kurang dialektik, berbanding dengan al-Taftāzānī yang menjelaskan sesuatu perkara dengan dialektik. Hal ini adalah iklim ilmiah yang berbeza di antara al-Rānīrī di alam Melayu ini yang kurang terdedah dengan polemik pemikiran dan tumpuannya kepada masyarakat awam berbanding dengan al-Taftāzānī. Begitu juga karya terjemahan *Tafsīr al-Bayḍāwī* oleh ‘Abdul Rā’ūf Singkil (m. 1693M) yang dinamakan *Turjumān al-Mustafīd, Iḥyā’ ‘Ulūm al-Dīn* oleh al-Ghazālī diterjemahkan oleh ‘Abd al-Ṣamad al-Falimbānī (m. 1828) dengan nama *Sīyar al-Salīkīn*; karya *Ta’līm al-Muta’līm Ṭarīq al-Ta’allum* oleh al-Zarnūjī diterjemahkan oleh Muḥammad Shāfī’ī Rangkul Faṭānī dengan nama *Ta’līm Jawī* atau *Pelita Penuntut Ilmu*, dan banyak lagi. Karya-karya seperti ini kemudiannya menjadi manual pengajaran di pondok atau madrasah di seluruh pulau Indonesia, Semenanjung Tanah Melayu termasuk di Selatan Thailand, menunjukkan bahawa kandungan karya-karya ini sememangnya untuk difahami dan pada masa yang sama juga untuk diamalkan.

Faktor kedua ialah pandangan alam mereka yang sepadu, kreatif, dan berani. Berdasarkan faktor sejarah di atas, daya kreativiti sarjana di alam Melayu ini sangat aktif, sekaligus menafikan dakwaan bahasa sarjana di alam ini hanya menterjemahkan secara pasif dan literal teks-teks dalam bahasa asal, iaitu bahasa Arab tanpa menghasilkan karya yang baru dan kreatif. Dengan cara itu juga peristilahan baru boleh muncul dalam korpus ilmiah alam Melayu. Penemuan sebuah karya *Ta’rifāt Jawī* yang dikarang oleh Tuan Guru Ḥāji Ibrahimīm bin Ḥāji Jūsoh (m. 1980M) adalah amatlah penting kerana karya ini menghimpunkan sejumlah istilah-istilah teknikal yang boleh ditemui dalam pelbagai bidang ilmu sejak kurun ke-14 dalam bentuk teks seperti manuskrip-manuskrip dalam *‘Aqīdab, Fiqh, Taṣawwūf*, dokumen Kerajaan dan perundangan dan bukan teks, seperti Batu Bersurat Terengganu sebagai satu pembuktian perkembangan tradisi ilmu yang pesat di Alam Melayu. Penulisan ini bertujuan melakukan sorotan ringkas konsep dan sejarah peristilahan, dan meninjau sumbangan *Ta’rifāt Jawī* dalam perkembangan dan pengukuhan tradisi ilmiah di rantau ini khususnya dan umat Islam umumnya.

Merujuk kepada daya kreativiti mereka, para ilmuwan Islam berusaha mencari kepastian bagaimana insan boleh mencapai kepada satu istilah yang tepat dan sesuai menuruti hakikat suatu benda. Hal ini disebabkan hubungan istilah atau nama dan makna akan sesuatu itu mempunyai kaitan yang sangat erat, sehinggalah setiap nama itu mempunyai makna yang khusus. Mereka merumuskan segala hakikat akan sesuatu itu sudah ditentukan oleh Tuhan, merujuk kepada *Sūrah al-Baqarah:31*, apabila Nabi Adam diajar oleh Tuhan,

وَعَلَّمَ آدَمَ الْأَسْمَاءَ كُلَّهَا

“*Wa ‘allama Adam al-Asmā’ kullahā*” (*Allah SWT mengajar Adam setiap nama*)

ia menzahirkan segala ilmu mengenai hakikat sifat sesuatu yang perlu bagi manusia itu tahu.

Menurut al-Attas dalam *The Mysticism of Hamzah Fansuri* (1970), nama-nama yang diajar itu bukan nama-nama akan hakikat sesuatu zat atau rahsia yang mendalam seperti *riḥ*, akan tetapi nama-

nama itu merujuk kepada hal ehwal luaran berkaitan sesuatu seperti sifat atau ‘araḍ berkaitan dengan perkara-perkara yang boleh dicerapi, iaitu *sensibilia* (*maḥsūsāt*) dan *intelligibia* (*ma‘qulāt*); dengan ilmu ini insan dapat membuat hubungan dan membezakan antara satu sama lain, untuk tujuan mengetahui makna dan hakikat suatu perkara. Maka, tiada satu istilah atau nama yang hampa makna kerana hubungannya rapat seperti bahasa dan makna, jasad dan diri, akal dan diri.

Peristilahan penting ini dipelihara dalam kamus-kamus utama, termasuk di alam Melayu sebagai contoh *Kitab Pengetahuan Bahasa* oleh Raja Ali Haji. Menurut Hashim Musa (2010), *Kitab Pengetahuan Bahasa* amat istimewa kerana meletakkan asas kepada pengajian bahasa Melayu pada tempat yang sebenarnya sebagai ilmu alat untuk memperolehi ilmu yang benar yang akan membawa kepada keyakinan dan ketaqwaan. Bahasa Melayu, seperti bahasa-bahasa Islam yang lain, merupakan satu ilmu alat untuk mencapai ma‘rifah, iaitu mengenali Allah SWT dan seluruh kewujudan, memperteguhkan keimanan dan ketaqwaan, dan menyemai adab yang mulia, juga mengandungi ilmu-ilmu yang lain seperti naḥu, ṣarāf, qawā’id, mantiq, balāghah, istidlāl, kalām, perkamusan, dan sebagainya.

Apabila pandangan alam mereka mengandungi himpunan konsep utama yang sepadu, maka usaha ilmiah yang mereka hasilkan adalah menurut pandangan alam mereka yang murni dan benar. Ini yang disebutkan sebagai faktor ketiga, iaitu *PengIslaman* yang menjadikan bahasa Melayu sebagai bahasa ilmiah yang mampu menyampaikan makna dan tujuan yang tinggi, tanpa perlu diseludupi dengan penterjemahan yang asing dan tidak kena dengan pandangan alam yang sebenar. *PengIslaman* di alam Melayu dan tahap-tahapnya dibentangkan secara ilmiah oleh al-Attas (1972).

Dalam usaha ilmiah penterjemahan sebagai salah satu usaha penting dalam *PengIslaman*, ini adalah salah satu jawapan kepada usaha untuk mengembangkan ilmu dari bahasa asal kepada bahasa yang lain. Melalui penterjemahan, ramai yang memperolehi kefahaman yang lebih baik akan sesuatu idea atau karya. Penterjemahan yang paling tinggi darjatnya dan mulia amalannya semestinya penterjemahan al-Quran. Hal ini al-Quran yang difahami dalam pandangan alam Islam adalah himpunan ayat-ayat dari kalam Allah SWT yang diturunkan kepada Nabi Muḥamamad dalam bahasa Arab, yang qadīm sifatnya. Namun, tidak semua umat Islam berupaya memahami bahasa Arab.

Al-Quran sebagai sebuah kitab suci telah diterjemahkan ke semua bahasa utama umat Islam dan bahasa-bahasa lain dengan tujuan untuk memudahkan kandungan dan mesej al-Quran difahami. Walaupun diterjemahkan ke dalam bahasa selain bahasa Arab, umat Islam masih membaca surah al-Fātiḥah, surah-surah lain dan berdoa dalam bahasa Arab al-Quran dalam ibadah khusus, bukan membaca atau menterjemahkan bacaan dalam bahasa kebangsaan atau ibunda masing-masing. Abdullah Yusof Ali (1975) dalam Pendahuluan terjemahan *The Holy Qur’an: Text: Translation and Commentary* ke dalam bahasa Inggeris, menyebut bahawa sebab utama beliau berkhidmat kepada penterjemahan al-Quran ke bahasa Inggeris adalah kerana faktor bahasa Inggeris yang dominan, digunakan pakai secara meluas, dan ‘the most cultivated medium of expression’. Dengan penterjemahan al-Quran ke bahasa Inggeris, mereka ini lebih memahami agama Islam dan al-Quran dengan lebih baik. Beliau juga tidak berani menterjemahkan secara literal konsep utama dalam Islam seperti *Islam*, *Iman*, *Ihsan* dan banyak lagi.

Penterjemahan sesebuah idea atau karya besar, selain al-Quran, memerlukan tiga perkara: teknik, pengalaman, dan penguasaan ilmu yang dalam dan luas. Sebagai contoh, Ḥunayn Ibn Ishāq (m. 873), penterjemah awal Islam khazanah Yunani ke bahasa Arab telah dinobatkan sebagai “a model of literary style, rational thought, and scientific authority, as well as a standard for translation technique”. Hal ini menurut Scott L. Montgomery (2000), Ḥunayn telah mengembara sehingga ke perpustakaan Byzantium dan Syria untuk menggali “khazanah ilmu Yunani”. Apa yang beliau

temui ialah manuskrip yang asalnya ditulis oleh ahl falsafah Yunani beratus tahun sebelum itu telah juga disalin semula oleh ramai generasi penyalin. Menurut Montgomery (2000), “*These works had already passed through many hands, through the uncertain corridor of scribal culture*”. Walaupun begitu, karya terjemahan oleh Hunayn tetap diiktiraf sebagai ‘asli’ dan mampu dijadikan sebagai rujukan kepada karya-karya asal ahli falsafah Yunani kuno. Dalam hal ini, usaha ilmiah penterjemahan sebagai salah satu usaha penting dalam pengIslaman bukan satu usaha yang sekadar untuk tujuan komersial, akan tetapi satu usaha ilmiah yang benar-benar memerlukan ketelitian, kesungguhan, dan kebertanggungjawaban dengan apa yang diterjemahkan.

Berdasarkan faktor-faktor ilmiah yang disebutkan di atas berkenaan keupayaan bahasa Melayu yang mampu menyampaikan makna dan tujuan yang tinggi, menuruti pandangan alam yang benar, maka amatlah penting istilah dan konsep utama dipelihara dan dikekalkan maksudnya yang asal, terutama dalam usaha penterjemahan.

4.0 KESIMPULAN

Berdasarkan perbincangan di atas, kesalahan-kesalahan penterjemahan yang dikenalpasti dan dibincangkan dalam penterjemahan *Muhammad: Riwayat Hidup Berdasarkan Sumber Terawal*, amatlah penting untuk diteliti kembali dan diperbaiki maksud terjemahannya supaya perpindahan makna yang sebenar dapat disampaikan. Sebagai pembaca, kita amat bersangka baik dengan terjemahan yang dihasilkan kerana itu mungkin tuntutan perjanjian yang dibuat di antara penerbit, penterjemah, dan pemilik asal karya yang mahukan terjemahan dibuat secara literal tanpa mengubah makna-makna yang asal. Namun demikian, adalah menjadi tanggungjawab hakiki penterjemah untuk mengenalpasti kesilapan makna dan seterusnya membuat pembetulan, dan menyebutkannya di bahagian Prakata atau Pendahuluan Penterjemah atau Penerbit. Ini adalah kerana amanah ilmu yang dipikul oleh setiap mereka yang tahu.

Penghargaan

Penghargaan ditujukan kepada Yang Mulia Tan Sri Profesor Dr. Syed Muhammad Naquib al-Attas kerana memberi penjelasan yang terang lagi menerangkan mengenai kepentingan bahasa dalam metafizika Islam. Penulisan ini ditulis sebelum karya terbaru beliau *Islām: The Covenants Fulfilled* (2023) diterbitkan. Untuk penjelasan lebih mendalam, boleh rujuk karya beliau.

Senarai Rujukan

- Dimitri Gutas. (1998). *Greek Thought, Arabic Culture The Graeco Arabic Translation Movement In Baghdad And Early ‘Abbasid Society (2nd 4th 5th 10th C.)*. Routledge.
- Franz Rosenthal. (1975). *The Classical Heritage in Islam*. The Ohio State University. Routledge and Kegan Paul.
- G.F. Haddad. (2005). *A Critical Reading Of Martin Lings’ Muhammad: His Life Based On The Earliest Sources*. Foreword to the first Swedish translation.
- Hamzah Yusuf. (2005) “A Spiritual Giant in An Age of Dwarfed Terrestrial Aspirations”. Q-News.
- Khalid A. Yahya. (1985). “Book Review on Muhammad: His Life Based on the Earliest Sources”. *Middle East Studies Association Bulletin*. 19(1), 68-69. Middle East Studies Association of North America (MESA).
- Martin Lings (1991). *Muhammad: His Life Based on the Earliest Sources*. UK. Islamic Text Society.
- Martin Lings. (2021). *Muhammad: Riwayat Hidup Berdasarkan Sumber Terawal*. Penterjemah Farhan Affandi & Al-Mustaqeem M. Radhi. Inisiatif Buku Darul Ehsan.
- Muhammad Zainiy Uthman. (2005). *Latā’if al-Asrār li-Ahl Allah al-Atyār*. JB. UTM Press.

- Naumana Amjad. (2005). "Dr Martin Lings: Some Personal Recollections". *Islamic Studies*. 44(3), 459-462.
- Raja Ali Haji. (2010). *Kitab Pengetahuan Bahasa*. Dikaji oleh Hashim Musa. Kuala Lumpur: Yayasan Karyawan.
- Scott L. Montgomery. (2000). *Science in Translation: Movements of Knowledge Through Cultures and Time*. Chicago and London. The University of Chicago Press.
- Syed Muhammad Naquib al-Attas. (1970). *The Mysticism of Hamzah Fansuri*. KL. UM.
- Syed Muhammad Naquib al-Attas. (1972). *Islam dalam Sejarah dan Kebudayaan Melayu*. KL. UKM.
- Syed Muhammad Naquib al-Attas. (1978). *Islam and Secularism*. KL. ABIM.
- Ugi Suharto. (2002). Al-Attas dan al-Qaradawi Mengenai Islam dan Sekularisme. *Afkar: Jurnal Akidah & Pemikiran Islam*, 3(1), 143–164. Diakses dari <https://ejournal.um.edu.my/index.php/afkar/article/view/6022> Tarikh akses: 18 Mac 2023
- Wan Mohd Nor Wan Daud. (1991). *Penjelasan Budaya Ilmu*. KL. DBP.
- Wan Mohd Nor. (2015). The Timelessness of Prophet Muhammad and the Nature of the Virtuous Civilisation, dibentangkan di *International Symposium on Time in Islamic Civilization* diselenggarakan bersama dengan International Rumi Center for the Study of Civilization, Necmettin Erbakan University dan Konya Selcuklu Municipality, Konya, Turki.